

3756/2
PRINSIP
PERAKAUNAN
KERTAS 2
2 JAM 30 MINIT
JULAI 2026

NAMA :
KELAS :



PPC 2026 - PAHANG

MODUL PINTAS PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TINGKATAN 5
TAHUN 2026

PRINSIP PERAKAUNAN
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: *Bahagian A* dan *Bahagian B*.
2. Jawab *semua* soalan di *Bahagian A* dan *dua* soalan di *Bahagian B*.
3. Tulis jawapan anda pada kertas jawapan.
4. Alat tulis perakaunan seperti Jurnal, Lejar dan Buku Tunai boleh digunakan jika perlu.
5. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan ditunjukkan dalam kurungan.
6. Tunjukkan kerja mengira. Ini mungkin membantu anda mendapat markah.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
BAHAGIAN A		
1	10	
2	25	
3	25	
JUMLAH	60	
BAHAGIAN B		
4	20	
5	20	
6	20	
JUMLAH	40	
JUMLAH KESELURUHAN MARKAH		

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan.

- 1 (a) Nyatakan andaian, prinsip dan batasan bagi setiap situasi berikut:
- (i) Mega Steel Trading menyediakan Penyata Kewangan setiap enam bulan untuk mengetahui prestasi perniagaan.
 - (ii) Encik Daeng menerima bil air pada 31 Disember 2025. Namun begitu, perniagaan ini hanya akan menjelaskan bil berkenaan pada bulan Januari tahun berikutnya. Walaupun bil itu belum dijelaskan pada tahun 2025, Encik Daeng tetap merekod bil air tersebut ke dalam Akaun Kadar Bayaran kerana tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2025.

[2 markah]

- (b) Urus niaga berikut berlaku dalam Kedai Buah Segar pada bulan Mei 2026.

X	Y
Pemilik mengambil buah-buahan untuk sambutan hari lahir anak.	Pemilik membawa masuk kenderaan sendiri untuk menjual buah-buahan.

Apakah kesan urus niaga X dan Y terhadap Akaun Modal?

X	Y

[2 markah]

- (c) Perniagaan Seri Bunga Florist menawarkan diskaun niaga sebanyak 5% bagi pembelian melebihi RM3 000 dan 10% bagi pembelian melebihi RM5 000. Husna telah membeli barang niaga secara kredit bernilai RM6 500.

Berapakah jumlah diskaun niaga yang diperoleh oleh Husna?

[2 markah]

- (d) Nyatakan dua kaedah rekod tak lengkap yang boleh digunakan untuk menentukan untung atau rugi perniagaan.

[2 markah]

- (e) Pada 3 April 2026, Syarikat Prima Plastics Sdn Bhd telah menerbitkan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer dan 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer kepada orang awam. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah jumlah modal diterbitkan dan berbayar penuh Syarikat Prima Plastics Sdn Bhd?

[2 markah]

2. Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Sukan Taman Indah bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

	1 Januari 2025	31 Disember 2025
	RM	RM
Tunai di bank	30 500	Perlu dikira
Alatan sukan	18 750	20 300
Bangunan kelab	55 000	85 000
Inventori kantin	7 800	8 250
Yuran belum terperioleh	1 530	2 700
Yuran belum terima	1 050	1 363
Akaun Belum Bayar kantin	2 575	3 874
Utiliti belum bayar	118	172

Berikut merupakan senarai penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. Semua urus niaga dibuat melalui Akaun Bank kelab.

	RM
Penerimaan:	
Yuran masuk	780
Yuran tahun 2024	850
Yuran tahun 2025	15 200
Yuran tahun 2026	2 700
Jualan kantin	32 000
Sewa loker	330
Pembayaran:	
Akaun Belum Bayar kantin	9 000
Utiliti	2 710
Alatan sukan	2 200
Kontraktor ubah suai rumah kelab	30 000
Upah pekerja kantin	1 450

Maklumat tambahan:

- Yuran tahun 2024 yang masih tidak dapat dikutip dianggap sebagai yuran lapuk.
- Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.
- Upah pekerja kantin masih belum bayar sebanyak RM600.
- Alatan sukan disusutnilaikan menggunakan kaedah penilaian semula. Tiada susut nilai untuk bangunan kelab.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [4 markah]
- Akaun Yuran Ahli [5 markah]
- Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [6 markah]
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [7 markah]
- Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 31 Disember 2025. [3 markah]

3. Puan Sue merupakan pemilik Suriz Enterprise yang membekalkan pelbagai produk penjagaan rambut di Kuantan, Pahang. Beliau telah menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

Baki pada 1 Januari 2025:	RM
Premis (kos)	100 000
Kenderaan (Kos)	84 000
Susut nilai terkumpul kenderaan	11 400
Lengkapan (kos)	22 000
Susut nilai terkumpulengkapan	8 800
Peruntukan hutang ragu	982
Inventori	26 200
Modal	163 758

Baki pada 31 Disember 2025:	
Akaun Belum Terima	35 400
Akaun Belum Bayar	26 800
Belian	30 800
Jualan	82 400
Pulangan belian	280
Upah atas belian	320
Gaji	25 800
Angkutan keluar	200
Kadar bayaran	4 320
Faedah atas pinjaman	2 400
Insurans	1 800
Ambilan	1 000
Promosi	160
Sewa diterima	8 000
Bank	(2 820)
Tunai	840
Pinjaman bank (berkadar faedah 6% setahun)	30 000

Maklumat tambahan:

(i)	Kad inventori	Harga kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
	Syampu	5 200	6 400
	Perapi Rambut	18 400	17 400
	Jumlah	23 600	23 800

- (ii) Kadar bayaran yang dibayar termasuk kadar bayaran rumah kediaman pemilik RM240.
- (iii) Sewa belum terperoleh RM1 000.
- (iv) Insurans yang dibayar adalah untuk setahun berakhir 31 Mac 2026.
- (v) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 3% atas Akaun Belum Terima.
- (vi) Pinjaman bank telah dibuat pada 1 Januari 2025 berjumlah RM40 000 dan matang pada 31 Disember 2028.
- (vii) Kenderaan bernilai RM24 000 baru dibeli dengan cek pada 1 Mei 2025.

- (viii) Polisi perniagaan menetapkan susut nilai seperti berikut:

Aset Bukan Semasa	Kadar susut nilai setahun	Kaedah
Lengkapan	20%	Garis lurus
Kenderaan	10%	Baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [14 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025. [11 markah]
(tunjukkan modal kerja)



BAHAGIAN B**[40 markah]***Jawab dua soalan daripada bahagian ini.*

4. (a) Megat dan Maisara merupakan pekongsi dalam Perkongsian Mentari Mart yang beroperasi di Taman Gelora, Kuantan.

Ikatan perkongsian adalah seperti berikut:

- (i) Faedah atas modal ialah 8% setahun mengikut nilai modal.
- (ii) Maisara menguruskan perkongsian dan dibayar gaji RM12 000 setahun.
- (iii) Faedah atas ambilan ialah 6% setahun.
- (iv) Pembahagian untung atau rugi adalah secara sama rata.

Baki pada 31 Disember 2025:

	Megat	Maisara
	RM	RM
Akaun Modal	50 000	50 000
Akaun Semasa	2 450	890 (Dt)
Ambilan	8 000 (1 Mac 2025)	5 800 (1 Oktober 2025)
Pinjaman Megat	30 000	-

Untung bersih sebelum pelarasan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 ialah RM32 870.

Perkara berikut perlu diambil kira untuk menyelaraskan untung bersih:

- Faedah atas pinjaman Megat belum bayar RM375
- Hutang lapuk terpulih 750

Anda dikehendaki menyediakan:

- (1) Mengira untung bersih terselaras bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [2 markah]
- (2) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025. [4 markah]
- (3) Akaun Semasa setiap pekongsi (*beruangan*). [6 markah]

- (b) Ketika menyediakan Imbangan Duga pada 31 Mac 2026, kesilapan-kesilapan berikut telah dikesan.

- (i) Ambilan barang niaga RM340 untuk didermakan tertinggal catatan.
- (ii) Diskaun diberi dan diskaun diterima terlebih catat sebanyak RM165.
- (iii) Bayaran sewa kedai RM1 300 kepada Encik Ridhwan dengan cek telah didebitkan dalam Buku Tunai dan dikreditkan ke Akaun Sewa.
- (iv) Belian barang niaga RM2 190 daripada Salsa Trading telah dicatatkan ke dalam Akaun Salma Trading.

Anda dikehendaki:

Menyediakan catatan Jurnal Am untuk merekod kesilapan berkenaan.
(keterangan tidak diperlukan)

[8 markah]

5. (a) Buku Tunai Kencana Trading menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 30 April 2026. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

Buku Tunai						
Tarikh	Butiran	Bank	Tarikh	Butiran	No. Cek	Bank
2026		RM	2026			RM
Apr 1	Baki b/b	550	Apr 3	Belian	110012	720
4	Jualan	1 700	12	Insurans	110013	1 500
10	Jualan	2 550	16	Ali Maju Trading	110014	2 150
13	Halim Enterprise	1 650	17	Angkutan masuk	110015	550
18	Perniagaan Siti	780	20	Belian	110016	1 250
25	Jualan	1 855	23	Ali Baba Trading	110017	1 050
29	Komisen	830	26	AHB Enterprise	110018	1 830
30	Baki h/b	1 680	27	Utiliti	110019	295
			30	Gaji	110020	2 250
		11 595				11 595
			Mei 1	Baki b/b		1 680

Penyata Bank						
Tarikh	Butiran	No. cek	Debit	Kredit	Baki	
2026						
Apr 1	Baki b/b				1 880	
	Deposit			930	2 810	
4	Deposit			1 700	4 510	
5	Cek	110012	720		3 790	
6	Timur Motor – Perintah sedia ada		900		2 890	
10	Deposit			2 550	5 440	
15	Deposit – Firdaus			3 040	8 480	
	Cek	110013	1 500		6 980	
18	Deposit			780	7 760	
19	Cek	110014	2 150		5 610	
20	Cek	110016	1 250		4 360	
21	Cek	110015	505		3 855	
24	Cek	110002	2 260		1 595	
25	Deposit			1 855	3 450	
29	Cek	110018	1 830		1 620	
30	Faedah atas overdraf		75		1 545	
	Cek	110019	295		1 250	

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang diterima pada 13 April 2026 dipulangkan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- (ii) Cek yang dikeluarkan bernombor 110015 dikenal pasti berlaku kesilapan.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2026. (Tanpa mengemaskini Buku Tunai)

[10 markah]

5. (b) Pada 1 Februari 2026, AB Rahman telah memulakan perniagaan menjual alatan pejabat di Kuantan, Pahang. Maklumat berikut diambil daripada AB Rahman Trading.

Jurnal Am				
Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2026 Feb 1	Bank Lengkapan Modal (Memulakan perniagaan dengan aset dan modal)		RM 25 000	RM
			3 500	28 500
			28 500	28 500
16	Angkutan masuk Perniagaan Ramu (Angkutan masuk dikenakan)		100	100

Jurnal Belian				
Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2026				RM
Feb 3	Kasim Baba Enterprise		INV1141	7 500
15	Perniagaan Ramu		INV3154	3 550
28	Akaun Belian (Dt)			11 050

Jurnal Pulangan Belian				
Tarikh	Butir	Folio	No. Dokumen	Jumlah
2026				RM
Feb 7	Kasim Baba Enterprise		NK2155	70
28	Akaun Pulangan Belian (Kt)			70

Anda dikehendaki:
Memindahkan Buku Catatan Pertama ke lejar (tidak perlu tutup dan mengimbangi lejar).
[10 markah]

6. (a) Maklumat berikut diperolehi daripada buku rekod perakaunan bagi Kilang Rempah Aroma yang beroperasi di Kuantan, Pahang.

	1 Julai 2025	30 Jun 2026
	RM	RM
Inventori bahan langsung	10 500	8 750
Kerja dalam proses	6 400	3 550
Barang siap	7 360	5 280
Inventori barang siap	120 000	105 700
Inventori alat tulis kilang	540	320
Royalti		1 740
Gaji operator kilang		28 000
Gaji pengurus pemasaran		32 000
Belanja penyelenggaraan mesin		1 730
Utiliti		1 200
Angkutan masuk bahan langsung		520
Belian bahan langsung		135 400
Pulangan bahan langsung		1 745
Insurans kilang		2 540
Mesin		180 000
Susut nilai terkumpul mesin		72 000
Belian alat tulis kilang		880

Maklumat tambahan:

- Mesin disusutnilaikan 20% setahun atas kos.
- Utiliti dibahagikan kepada kilang dan pejabat dengan nisbah 3:2.
- Royalti belum bayar RM600.
- Gaji operator kilang termasuk gaji penyelia kilang RM1 700.
- Caj angkutan bahan langsung bernilai RM430 belum direkodkan.

Anda dikehendaki:

Menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2026.

[12 markah]

6. (b) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan bagi Perniagaan Aura Efektif.

	RM
Baki pada 1 Mei 2025:	
Baki debit Lejar Jualan	15 400
Baki kredit Lejar Belian	10 670
Jualan tunai	5 400
Belian tunai	7 860
Penerimaan cek daripada pelanggan	3 420
Pembayaran cek kepada pembekal	8 620
Diskaun diberi	764
Diskaun diterima	523
Cek pelanggan tak laku	400
Pulangan masuk	622
Pulangan keluar	497
Faedah dikenakan ke atas pelanggan	80
Hutang lapuk	300
Peruntukan hutang ragu	220
Baki pada 30 April 2026:	
Baki debit Lejar Jualan	65 400
Baki kredit Lejar Belian	23 100

Anda dikehendaki:

Menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

